

VCO-Trigonatural Cream

Nur Madiha Mohd Ramzi
Fakulti Sains Komputer dan Matematik
Universiti Teknologi MARA(UiTM)
Cawangan Kelantan
Machang, Kelantan
dieyha.ramzi@gmail.com

Suziana Aida Othman
Fakulti Sains Komputer dan Matematik
Universiti Teknologi MARA(UiTM)
Cawangan Kelantan
Machang, Kelantan
suziana554@uitm.edu.my

Masnira Ramli
Fakulti Sains Komputer dan Matematik
Universiti Teknologi MARA(UiTM)
Cawangan Kelantan
Machang, Kelantan
masnira@uitm.edu.my

Nur Syahirah Mohd Ramzi
Fakulti Sains Komputer dan Matematik
Universiti Teknologi MARA(UiTM)
Cawangan Kelantan
Machang, Kelantan
syahirahramzi@gmail.com

Wan Nurul Husna Wan Nordin
Fakulti Sains Komputer dan Matematik
Universiti Teknologi MARA(UiTM)
Cawangan Kelantan
Machang, Kelantan
husna78@uitm.edu.my

Abstract—Minyak Kelapa Dara atau VCO (Virgin Coconut Oil) merupakan minyak yang dihasilkan daripada santan muda. VCO digunakan secara tradisional dan moden dalam dunia kecantikan. VCO-Trigonatural Cream adalah inovasi produk alami yang unik dihasilkan daripada campuran bahan utama iaitu madu kelulut asli dan VCO. Menurut kajian saintifik, VCO mempunyai kelebihan iaitu sifat antivirus, antibakteria serta baik untuk kesihatan tubuh badan. VCO mengandungi pelbagai vitamin terutamanya vitamin E yang baik untuk kulit. Kajian juga telah membuktikan madu kelulut asli memiliki ciri-ciri penyembuhan luka. Ia merangsang pertumbuhan tisu dan mengurangkan pembentukan parut, serta kaya dengan antioksidan yang boleh melindungi kerosakan sel kulit disebabkan oleh radikal bebas yang menyumbang kepada proses penuaan. Dengan manfaat dari sumber asli ini, inovasi terhadap bahan-bahan ini diterjemahkan melalui produk VCO-Trigonatural Cream. Produk ini dihasilkan dengan tujuan utama untuk berkongsi penggunaan bahan semulajadi yang dulunya diguna secara tradisional dalam mengatasi masalah kulit, namun kini boleh didapati dalam produk yang ringkas, yang telah dimodenkan melalui inovasi penyediaannya. VCO-Trigonatural Cream dihasilkan dengan bahan-bahan campuran tradisional yang lain seperti 'propolis' dan 'bee bread'. VCO-Trigonatural Cream merupakan produk kosmetik yang selamat kerana bahan-bahan yang digunakan bahan alam semulajadi. Kelebihan VCO-Trigonatural Cream ini adalah untuk merawat serta memberi kesegaran pada kulit pengguna yang mempunyai masalah tidak kira lapis usia. Produk ini juga dapat membantu menguatkan tisu dan struktur kulit menjadi lebih sihat. Di samping itu, VCO-Trigonatural Cream ini dapat membantu mengurangkan masalah kedutan kulit dan melambatkan proses penuaan. Ianya sesuai digunakan oleh semua lapisan masyarakat tidak mengira umur dan juga jantina.

Keywords— Minyak Kelapa Dara(VCO), Madu Kelulut, VCO-Trigonatural Cream

I. PENGENALAN

VCO-TrigoNatural Cream dibuat dengan 2 bahan utama iaitu madu lebah kelulut dan minyak kelapa dara serta campuran bahan-bahan tradisional bee pollen dan propolis.

Madu kelulut dan minyak kelapa dara(VCO) merupakan bahan alami dan mempunyai fungsi kebaikan seperti antioksidan, antiradang, vitamin E dan antivirus.

VCO-Trigonatural Cream ini dibuat secara semulajadi dan menggunakan bahan tradisional untuk mengoptimalkan kesan kebaikannya kepada semua pengguna.

Objektif penghasilan produk ini adalah untuk mengurangkan masalah muka seperti jerawat dan bintik hitam khususnya. Ia juga bertujuan untuk melembapkan serta menyegarkan kulit. Disamping itu, ia juga dapat mengekalkan kebaikan bahan semulajadi yang dulunya digunakan secara tradisional kepada satu produk yang moden serta boleh dikomersialkan.

II. BAHAN – BAHAN UTAMA

A. Madu kelulut Trigona

Madu kelulut trigona mempunyai kelebihan sebagai antibakteria yang mana dapat mencegah jerawat. Ia bersifat antioksidan yang melambatkan proses penuaan. Ia juga dapat memberikan kelembapan dan menyegarkan kulit, menjadikan kulit semakin cerah.

B. Minyak kelapa dara

Minyak kelapa dara bertindak sebagai pembersih kulit secara semula jadi. Ia dapat mengelakkan kedutan dan kekeringan pada kulit. Ia juga dapat membantu menentang penuaan kulit yang pramatang.

C. Bee Pollen

Bee pollen pula berfungsi untuk meningkatkan sistem ketahanan badan dan menjaga sel-sel kulit dari rosak.

D. Propolis

Propolis mempunyai kandungan 'flavonoid' yang tinggi dan mempunyai ciri-ciri anti-mikrob dan anti-radang yang dapat melegakan kulit.

III. PROSES PEMBUATAN

Proses pembuatan produk ini melibatkan beberapa langkah. Langkah-langkahnya adalah seperti berikut:

- Langkah pertama, VCO direndamkan bersama dengan *propolis* dan *bee pollen* dan dibiarkan selama sebulan.
- Langkah kedua, madu kelulut trigona yang diambil segar dari ladang, akan dicampurkan dalam VCO.
- Langkah ketiga, rendaman dari langkah pertama tersebut akan diadunkan pula bersama krim asas dan air mineral serta ditambah dengan ekstrak betik.
- Langkah keempat, larutan madu kelulut dari langkah kedua akan dicampurkan dengan adunan dari langkah ketiga.
- Langkah kelima, krim siap untuk proses pembungkusan.

IV. HASIL DAN MAKLUM BALAS PENGGUNA

Produk yang telah dihasilkan dari inovasi ini adalah seperti berikut:




Rajah 1. Produk VCO-Trigonatural Cream

A. Maklum balas pengguna

Produk ini telah diagihkan kepada 10 orang pengguna pada 1 Januari 2019 dan mendapat maklum balas pada 20 Januari 2019 iaitu selepas 2 minggu penggunaan.

Hasil dari maklum balas yang diterima, pengguna menyatakan bahawa penggunaan produk ini telah mengurangkan parut-parut jerawat pada wajah mereka. Mereka juga menyatakan kulit wajah menjadi lebih lembut dan mengurangkan bintik-bintik hitam. Mereka juga berpendapat bekas yang digunakan sangat unik dan mudah dibawa ke mana-mana sahaja.

Sebilangan kecil daripada pengguna tersebut juga ada memberikan kritikan. Mereka menyatakan produk ini lambat memberikan kesan keatas kulit wajah mereka. Ini adalah kerana produk ini dihasilkan secara semula jadi dan tidak dicampurkan dengan bahan kimia yang boleh memberikan kesan yang cepat tetapi juga memudaratkan pengguna jika digunakan secara berterusan. Selain itu juga ada yang menyatakan bekas yang digunakan bersaiz kecil. Produk ini tidak memerlukan penggunaan yang banyak kerana penggunaan yang sedikit sudah memadai dan ia juga senang di bawa ke mana-mana sahaja kerana saiznya yang kecil.



Rajah 2. Maklum balas pengguna mengenai produk



Rajah 3. Testimoni pengguna

B. Keunikan produk

Produk ini mempunyai keunikan yang tersendiri. Antaranya adalah seperti berikut:

- Diperbuat daripada madu lebah kelulut dan juga Minyak Kelapa Dara yang merupakan bahan semulajadi. Ia dapat memberikan keselesaan dan melembapkan kulit.
- Kaya dengan bahan semula jadi : madu kelulut, minyak kelapa dara, bee pollen, dan juga propolis
- Dapat membantu masalah kesihatan luaran serta memberi keselesaan pada kulit.
- Produk ini merupakan produk tradisional yang diketengahkan kebaikannya kepada penggunaan secara moden
- Sesuai kepada semua golongan usia tidak kira tua mahupun muda.
- 100% buatan Malaysia dan *homemade*

C. Nilai Komersial

VCO-Trigonatural Cream boleh dipasarkan secara meluas serta mampu bersaing dengan produk yang sedia ada berikutan keistimewaan yang tersendiri.

Penyediaan produk ini secara —homemade— serta secara tradisional melibatkan kos yang lebih rendah, menjadikan produk ini lebih ekonomi, mampu dimiliki oleh semua pengguna.

Pada masa akan datang, produk ini akan dikomersialkan secara meluas berikutan kejayaan sebelumnya sudah berada di pasaran umum dan produk ini juga akan ditambah baik dari sudut bahan kandungannya supaya kebaikan krim ini dapat ditingkatkan.

KESIMPULAN

VCO-Trigonatural Cream adalah produk yang diinovasikan daripada bahan alami yang digunakan secara tradisional yang mana kini dimodenkan dalam bentuk yang sedia untuk digunakan. Melalui produk inovasi ini, diharapkan dapat memberi manfaat yang sama seperti dulukala kepada pengguna terutama golongan muda yang lebih mempercayai **produk yang moden untuk** menggunakan pakai produk tradisional turun temurun yang telah diformulasikan, disesuaikan dengan peralihan masa untuk kemudahan penggunaannya.

PENGHARGAAN

Kumpulan kami mengucapkan terima kasih kepada Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan (UiTMCK), Malaysia atas sokongan dan peluang untuk terus menyumbangkan idea dalam bidang penyelidikan, penulisan serta inovasi. Terima kasih juga pada Jabatan Pertanian Negeri Kelantan atas bimbingan dalam usaha mengenengahkan projek ternakan lebah kelulut.

RUJUKAN

Yaghoobi, R., & Kazerouni, A. (2013). Evidence for clinical use of honey in wound healing as an anti-bacterial, anti-inflammatory anti-oxidant and anti-viral agent: A review. *Jundishapur journal of natural pharmaceutical products*, 8(3), 100.

Molan, P. (2001). Why honey is effective as a medicine: 2. The scientific explanation of its effects. *Bee world*, 82(1), 22-40.

Al-Waili, N., Salom, K., & Al-Ghamdi, A. A. (2011). Honey for wound healing, ulcers, and burns; data supporting its use in clinical practice. *The scientific world journal*, 11, 766-787.

Sandozi, T., Abdurazak, A., Siddiqa, A., Khalid, K., & Akbar, M. (2016). *An Overview of Natural Remedies in Modern Medicine*.

Rao, P. V., Krishnan, K. T., Salleh, N., & Gan, S. H. (2016). Biological and therapeutic effects of honey produced by honey bees and stingless bees: a comparative review. *Revista Brasileira de Farmacognosia*, 26(5), 657-664.

Pinnamaneni, R. (2017). Nutritional And Medicinal Value Of Papaya (Carica Papaya Linn. *World Journal Of Pharmacy And Pharmaceutical Sciences* . Volume 6, Issue 8, 2559-2578